

05 MAY 1998

Harris-Umno

HARRIS SUDAH PUN KELUAR DARI UMNO LABUAN

KOTA KINABALU, 5 Mei (Bernama) -- Bekas Ketua Menteri Sabah Datuk Harris Salleh yang dipecat oleh Majlis Tertinggi Umno semalam, sebenarnya sudah menarik diri sebagai anggota Umno cawangan Ramsay di Labuan pada 6 Mac lepas, demikian dijelaskan di sini hari ini.

Harris yang kini presiden parti Bersekutu mengisytihar keluar dari Umno melalui sepucuk surat bertarikh 6 Mac lepas kepada setiausaha Umno cawangan Ramsay, kata Timbalan Setiausaha Agung Parti Bersekutu Ibrahim Kalali dalam satu kenyataan akhbar.

Salinan surat Harris itu turut ditujukan kepada Setiausaha Perhubungan Wilayah Persekutuan Labuan.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan keputusan MT memecat Harris memandangkan perlembagaan Umno tidak membenarkan ahlinya menganggotai parti politik lain.

Ibrahim berkata keputusan Harris, yang menjadi Ketua Menteri Sabah dari tahun 1976 hingga 1985, menarik diri dari Umno adalah muktamad.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Yahya Hussin pula meminta semua pemimpin Umno peringkat bahagian di negeri itu agar memastikan tiada anggotanya yang menyertai parti lain.

"Kita tidak mahu anggota-anggota Umno yang menduakan parti. Umno mahu anggota yang setia," katanya kepada pemberita, di sini, ketika diminta mengulas pemecatan Harris.

Yahya berkata pemimpin-pemimpin peringkat bahagian perlu melaporkan kepada badan itu sekiranya terdapat mana-mana anggotanya yang didapati berbuat demikian.

Mengenai pemecatan Harris, beliau berkata tindakan itu adalah wajar.

"Ia merupakan peringatan kepada anggota-anggota Umno sekarang agar sentiasa setia kepada parti itu," katanya.

-- BERNAMA

KG NT MAI